

## **Mitsubishi Motors Sasar Peningkat Penguasaan Pasaran Dalam Segmen Automotif Kepada 2.2 Peratus Tahun Ini**

**Bernama**

**5 Mac, 2014**

PETALING JAYA, 5 Mac (Bernama) -- Mitsubishi Motors Malaysia Sdn Bhd, pengedar rasmi kenderaan Mitsubishi, menyasarkan untuk menambah penguasaan pasarannya dalam segmen automotif kepada 2.2 peratus tahun ini daripada 1.9 peratus tahun lepas.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tetsuya Oda, berkata segmen pikap bakal menjadi pemacu utama untuk mencapai agihan pasaran yang disasarkan selain pertumbuhan positif pasaran automotif.

"Segmen pikap menyumbang kira-kira 70 peratus jualan, manakala selebihnya adalah daripada segmen-segmen lain seperti kenderaan utiliti sukan bersaiz sederhana, ASX; kereta separa kompak, Mitsubishi Mirage, dan kereta ekosedan, Mitsubishi Attrage,"katanya kepada pemberita di luar acara pelancaran rasmi model Triton baharu pada Rabu.

Oda berkata Mitsubishi menyasarkan untuk menjual 7,200 unit Triton baharu tahun ini, berbanding 7,000 unit model yang sama tahun lepas.

Triton VGT GS yang diimport sepenuhnya berharga RM107,809.60 dan dikeluarkan dalam tiga warna -- Red Solid, White Pearl dan Black Mica.

Triton 2.5 AT berharga RM95,247.80, Triton 2.5 MT RM90,377.80 dan Triton 2.5 MT STD at RM82,185.70, kesemuanya harga di atas jalan tanpa insurans dan boleh didapati dalam tiga warna -- Cool Silver Metallic, White Pearl dan Black Mica.

Syarikat itu juga menyasarkan untuk meningkatkan jualan keseluruhan kepada 15,000 unit kenderaannya tahun ini berbanding 13,000 unit tahun lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019397>